

19 OCT 1996

Downer-M'sia

MASANYA SUDAH TIBA MEWUJUDKAN PERKONGSIAN BARU, KATA MENTERI LUAR AUSTRALIA

KUALA LUMPUR, 19 Okt (Bernama) -- Menteri Luar Australia Alexander Downer berkata kerajaan Malaysia dan Australia sedang berusaha mewujudkan keadaan-keadaan di mana aspirasi rakyat kedua-dua negara dapat dipenuhi dengan sewajarnya.

Katanya terdapat keyakinan di kalangan rakyat Australia dan Malaysia bahawa masanya telah tiba untuk mewujudkan perkongsian baru dalam semua bidang hidup seperti perniagaan, sains dan teknologi.

"Falsafah kerajaan Australia ialah untuk menggalakkan pihak individu dan korporat menggunakan daya usaha mereka sendiri. Bukan peranan kerajaan untuk memberitahu ahli perniagaan bagaimana hendak menjalankan perniagaan," kata Downer dalam ucaptamanya pada Konvesyen Alumni Universiti Malaysia-Australia di sini.

Kata beliau langkah-langkah untuk mempereratkan hubungan dengan Malaysia ini dijalankan dengan dua peringkat - antara kerajaan dengan kerajaan dan antara rakyat dengan rakyat.

"Saya gembira untuk menyatakan bahawa kerajaan Malaysia telah memberi tindak balas sepenuhnya. Contohnya, saya telah mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir sebanyak empat kali dalam masa hanya tujuh bulan," katanya.

Downer berkata untuk mempertingkatkan lagi hubungan dua hala, alumni itu boleh mempromosikan Malaysia dengan lebih aktif lagi melalui media dan terus mencari rakan kongsi Australia dalam semua bidang.

Beliau juga berkata hubungan rakyat dengan rakyat dapat dipertingkatkan lagi dengan sistem Kebenaran Perjalanan Elektronik yang telah diperkenalkan di mana visa boleh didapati melalui ejen pelancongan.

Downer juga bercakap mengenai isu perkauman di negaranya yang dicetuskan oleh Anggota Bebas Parlimen Australia Pauline Hanson yang menghebahkan mengenai ancaman penaklukan Asia ke atas Australia.

"Kenyataan kutu rayau seperti itu bukanlah mencerminkan pendapat kerajaan Australia atau sebahagian besar masyarakat Australia," kata beliau.

Downer berkata beliau telah membincangkan isu itu secara ringkas dengan Dr Mahathir yang katanya telah menunjukkan pendirian yang jelas yang beliau (Dr Mahathir) tidak akan menghakimkan sesebuah negara daripada pendapat-pendapat satu orang.

Konvesyen tiga hari itu yang berakhir esok dianjurkan oleh Yayasan Malaysia-Australia dengan kerjasama Persatuan Alumni Universiti Australia Malaysia dan Institut Strateji dan Kepimpinan Asia. -- BERNAMA

MAM WAT